



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	PRINSIP PENGURUSAN
KOD KURSUS	:	DPP1043
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (20Markah)
 - BAHAGIAN C (30 Markah)
 - BAHAGIAN D (30 Markah)


2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHGIAN B dan BAHAGIAN C. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja dari BAHAGIAN D.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
 - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Objektif.
 - iii. Jawab BAHAGIAN C dan D di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
 - iii. Borang Jawapan Objektif
 - iv. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **11** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. Harold Koontz mentakrifkan pengurusan sebagai satu seni melakukan kerja melalui dan bersama orang lain di dalam suatu kumpulan yang sengaja diadakan.
2. Fungsi-fungsi pengurusan dapat diklasifikasikan kepada merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal
3. Mengorganisasi bermaksud para pengurus mengarah dan mempengaruhi orang bawahan supaya mereka bertindak dan melakukan tugas-tugas yang diperlukan untuk mencapai sesuatu matlamat.
4. Pengurus sebagai pengawas memainkan peranan untuk mencari maklumat di persekitaran dalam dan luaran organisasi mengenai isu-isu semasa, perubahan, peluang dan masalah yang boleh memberi kesan kepada organisasi.
5. Antara peranan pengurus dalam membuat keputusan ialah sebagai penyebar atau penyampai.
6. Peringkat pengurusan terbahagi kepada tiga iaitu mengikut tahap/peringkat, mengikut aktiviti/fungsi dan mengikut bahagian/jabatan.
7. Antara prinsip utama perancangan ialah perancangan merupakan kerja semua individu di dalam organisasi.
8. Perancangan strategik melibatkan perancangan jangka masa pertengahan iaitu dalam tempoh antara satu hingga lima tahun.
9. Wawasan 2020 merupakan perancangan taktikal.
10. Keadaan ketidakpastian memerlukan pengurus menggunakan pengalaman, pertimbangan dan logik untuk memperuntukan kebarangkalian.

11. Pembahagian kerja merujuk kepada pekerja melaksanakan kerja tertentu berdasarkan kemahiran, kelayakan dan kemampuan individu tersebut.
12. Carta organisasi ialah satu gambar rajah struktur organisasi yang menunjukkan bahagian atau jabatan serta kedudukan individu dalam organisasi.
13. Victor Vroom memperkenalkan teori keperluan yang terdiri daripada keperluan pencapaian, perhubungan dan kuasa.
14. Pengurus tugas memberi perhatian yang menyeluruh ke atas keperluan memenuhi kepuasan perhubungan pekerja yang membawa kepada persekitaran dan masa pekerjaan yang selesa.
15. Piawaian merupakan tahap ukuran bagi sesuatu perkara yang ingin dikawal.
16. Kawalan tingkah laku bertujuan untuk melihat hasil sebenar yang ditunjukkan oleh pekerja.
17. Komunikasi terdiri daripada verbal (mimik muka) dan tidak verbal (pertuturan dan tulisan)
18. Pengekodan berlaku apabila pengirim menterjemahkan maklumat yang terdapat dalam mindanya ke dalam bentuk simbol-simbol yang tertentu.
19. Penapisan adalah perbuatan memanipulasikan maklumat secara sengaja agar kelihatan kurang sedap kepada pengguna.
20. Saluran komunikasi mungkin secara langsung seperti pertemuan empat mata atau melalui televisyen.

(20 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Berikut adalah peranan pengurus yang bercorak peribadi mengikut Henry Mintzbergh **KECUALI**... adalah keterangan bagi kehendak **KECUALI**...
 - A. Sebagai pemimpin
 - B. Sebagai ketua atau orang terpenting
 - C. Sebagai pengawas
 - D. Sebagai pegawai perhubungan

2. "Pengurus mesti sentiasa peka dengan perubahan yang berlaku dalam hubungan antara pekerja dalam organisasi seperti masalah iri hati serta masalah luar". Kenyataan di atas menerangkan tentang peranan pengurus _____.
 - A. Sebagai usahawan
 - B. Sebagai pengawal gangguan
 - C. Sebagai pengagih
 - D. Sebagai perunding

3. Berikut adalah cabaran yang dihadapi oleh pengurus dalam pengurusan masa kini **KECUALI** ...
 - A. Perubahan saiz sesebuah perniagaan
 - B. Campur tangan kerajaan di dalam undang-undang buruh
 - C. Peningkatan program kuantiti
 - D. Perubahan kematangan pekerja

4. "Kaedah-kaedah yang terperinci yang diatur terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu". Kenyataan di atas merupakan definisi perancangan yang ditakrifkan oleh _____.

- A. Andrew F. Sikula
- B. Gary Dessler
- C. Mary Parker Follet
- D. Stoner

5.

- Perancangan ialah kerja semua individu di dalam organisasi
- Perancangan perlu fleksible
- Ketentuan kejayaan perancangan datangnya dari Allah S.W.T

Kenyataan di atas menerangkan tentang _____.

- A. Kepentingan perancangan
- B. Prinsip perancangan
- C. Konsep perancangan
- D. Elemen perancangan

6. "Mestilah mengandungi ciri-ciri seperti jelas, nyata, rasional, logik, mempunyai jangkamasa dan mestilah mencabar". Kenyataan di atas berkait rapat dengan

- A. Menetapkan matlamat
- B. Menghuraikan keadaan semasa
- C. Mengenalpasti sokongan ataupun halangan
- D. Mengemukakan tindakan

7.

- Pengkhususan tugas
- Penyeragaman aktiviti
- Penyelarasan aktiviti
- Pemusatan dan desentralisasi dalam membuat keputusan

Kenyataan di atas menerangkan tentang _____.

- A. Pembentukan struktur organisasi
- B. Unsur struktur organisasi
- C. Konsep asas struktur organisasi
- D. Reka bentuk struktur organisasi

8.

- Pembahagian kerja
- Carta organisasi
- Peranan dan kedudukan pengurus dalam struktur organisasi

Kenyataan di atas menerangkan tentang _____.

- A. Pembentukan struktur organisasi
- B. Unsur struktur organisasi
- C. Konsep asas struktur organisasi
- D. Reka bentuk struktur organisasi

9.

- Pembahagian kerja
- penjabatanan

Kenyataan di atas menerangkan tentang _____.

- A. Pembentukan struktur organisasi
- B. Unsur struktur organisasi
- C. Konsep asas struktur organisasi
- D. Reka bentuk struktur organisasi

10. "Satu rangsangan dalaman yang mendorong, mengaktif atau mengerah serta mengarah kelakuan individu secara sedar ke arah tuju tertentu". Kenyataan di atas berkait rapat dengan _____.

- A. Motivasi
- B. Motif
- C. Keinginan
- D. Usaha

11. Manakah antara berikut menunjukkan ciri-ciri motivasi?

- i. Merupakan pandangan dan sikap yang unik
- ii. Mempengaruhi sikap dalam melaksanakan tugas
- iii. Berperanan penting dalam menggerakkan seseorang pekerja
- iv. Suatu sikap tertentu yang ada pada seseorang

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii, dan iv

12. Berikut merupakan teori-teori awal motivasi **KECUALI**...

- A. Teori Maslow
- B. Teori Douglas McGregor
- C. Teori McClelland
- D. Teori Herzberg

13. "Teori X mengandaikan tahap yang rendah menguasai individu manakala Teori Y bercirikan tahap tinggi". Kenyataan di atas merujuk kepada _____.

- A. Teori Maslow
- B. Teori Douglas McGregor
- C. Teori McClelland
- D. Teori Herzberg

14.

Dikenali sebagai faktor yang memberi kepuasan kepada individu seperti pencapaian prestasi, penghargaan dan kemajuan kerjaya

Kenyataan di atas menerangkan tentang _____.

- A. Teori Maslow
- B. Teori Douglas McGregor
- C. Teori McClelland
- D. Teori Herzberg

15. Kenyataan di bawah berkait rapat dengan persoalan-persoalan dalam teori jangkaan **KEQUALI**...

- A. Kaitan usaha – prestasi
- B. Kaitan prestasi – ganjaran
- C. Kaitan prestasi – kemahiran
- D. Kuasa tarikan

16. "Kepimpinan memberikan perwatakan dan menerima perwatakan daripada media, persekitaran dan iklim di tempat ia berfungsi". Yang manakan benar untuk menggambarkan kenyataan di atas?

- A. Konsep asas kepimpinan
- B. Kepentingan kepimpinan
- C. Prinsip kepimpinan
- D. Teori gelagat kepimpinan

17. Berikut adalah kedudukan pengurus di dalam grid pengurusan **KEQUALI**..

- A. Pengurus fungsi
- B. Pengurus tugas
- C. Pengurus miskin
- D. Pengurus pasukan

18. Kenyataan di bawah menunjukkan cara untuk menetapkan piawaian **KECUALI**..

- A. Atas budi bicara
- B. Berdasarkan belanjawan
- C. Melambangkan kualiti
- D. Berdasarkan pengalaman yang lepas

19. "Sekiranya piawaian yang ditetapkan terlalu rendah, ia akan mencerminkan kualiti yang rendah atau tiada kualiti". Pernyataan di atas menerangkan faktor dalam menetapkan piawaian. Apakah faktor yang dimaksudkan?

- A. Tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah
- B. Mestiah melambangkan kepada kualiti
- C. Mestilah jelas atau diterima oleh setiap individu yang terlibat
- D. Bergantung kepada objektif organisasi

20. Kawalan prestasi diukur dari aspek berikut **KECUALI**...

- A. Kecekapan
- B. Kualiti
- C. Mendapat maklumbalas dari pekerja
- D. Memperbaiki kesilapan

(20 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **TIGA (3)** kepentingan perancangan.

(6 markah)

SOALAN 2

Terangkan **TIGA (3)** jenis perancangan yang telah dipelajari. ✓

(6 markah)

SOALAN 3

a) Berikan definisi membuat keputusan. ✓

(2 markah)

b) Terangkan **DUA (2)** jenis keputusan yang terlibat dengan pengurus.

(4 markah)

SOALAN 4

Terangkan **TIGA (3)** jenis keperluan di dalam teori Maslow.

(6 markah)

SOALAN 5

Berikan **TIGA (3)** jenis pengurus di dalam grid pengurusan beserta huraian.

(6 markah)

BAHAGIAN D

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Perancangan di dalam organisasi merangkumi beberapa unsur-unsur penting. Huraikan **LIMA (5)** unsur penting dalam perancangan organisasi.

(10 markah)

SOALAN 2

Membuat keputusan secara asasnya ialah satu proses di mana seseorang individu akan membuat keputusan yang tetap, namun dalam keadaan tertentu ada beberapa faktor yang boleh mempengaruhi individu tersebut dalam membuat keputusan. Berikan definisi membuat keputusan dan huraikan **TIGA (3)** keadaan dalam membuat keputusan.

(10 markah)

SOALAN 3

Penjabatanan ialah proses pengumpulan dan penyatuan kerja-kerja yang sama atau berkaitan di dalam satu unit atau jabatan yang sama. Bincangkan **LIMA (5)** bentuk-bentuk penjabatanan.

(10 markah)

SOALAN 4

Kawalan dapat mengukur dan memperbaiki kesilapan yang berlaku dan pelaksanaan aktiviti yang menyimpang daripada sasaran. Terangkan **TIGA (3)** jenis kawalan dan **DUA (2)** teknik kawalan.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT